

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR. AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
B.E.A.M : BOOKS, ENTREPRENEUR, ART &
MINDSET 2025
DAN GEMA SYAWAL BERSAMA JASMINE**

**27 APRIL 2025 | AHAD | 3.00 PETANG
PERKARANGAN J1 & J2
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK PERDANA**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Encik Muhammad Zamrin Amin

Pengetua Kolej Kediaman Jasmine

UiTM Cawangan Selangor

Kampus Puncak Perdana

YBrs. Puan Masmadianty Muhammad

Penasihat Program B.E.A.M : Books,

Entrepreneurship, Art & Mindset 2025

Saudara Muhammad Iman Zulkifli

Yang Di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar
UiTM Cawangan Selangor Sesi 2024/2025

Saudara Izzaf Akmal Abdullah

Yang Di-Pertua Jawatankuasa Perwakilan Kolej
Jasmine

Saudari Nurul Aqilah Aznil Azmail

Pengarah Program B.E.A.M : Books,
Entrepreneurship, Art & Mindset 2025

Saudari Fatin Nurulainnie Azmi

Pengarah Program Gema Syawal Bersama Jasmine

Barisan Staf Residen Kolej Jasmine

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan
Selangor

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan, warga UiTM Cawangan Selangor dan mahasiswa mahasiswi yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam UiTM di Hatiku.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita diberikan kesihatan dan kesempatan untuk berkumpul pada petang ini bagi meraikan dua acara penting iaitu **B.E.A.M : Books, Entrepreneurship, Art & Mindset 2025** dan **Gema Syawal Bersama Jasmine.**
2. Saya amat berbesar hati atas jemputan untuk bersama-sama menjayakan program ini.

3. Pertama sekali, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej Jasmine, Majlis Perwakilan Pelajar, Sekretariat Perwakilan Kolej Jasmine, Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), Persatuan Mahasiswa Hadhari Puncak Perdana, dan seluruh jawatankuasa program yang telah bekerja keras untuk menjayakan majlis ini.
4. Saya melihat program ini bukan sahaja satu platform untuk menyemarakkan minat membaca dan memperkasa pengetahuan, tetapi juga sebagai wadah untuk membangunkan daya keusahawanan di kalangan mahasiswa dan masyarakat.
5. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan

kelancaran program ini, terutamanya kepada pihak pentadbiran kolej, tenaga pengajar, dan tentunya para peserta yang telah memberikan sokongan.

Hadirin yang dihormati,

6. Program sebegini adalah satu contoh nyata komitmen UiTM dalam menyokong pembangunan intelektual serta kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar dan masyarakat.
7. Saya yakin, penganjuran pelbagai aktiviti kesenian seperti ini mampu membuka ruang kepada para pelajar untuk berinteraksi dengan pelbagai sumber ilmu serta menyerlahkan bakat mereka dalam bidang kreativiti, sama ada di peringkat industri mahupun komuniti.

8. Saya juga percaya bahawa penganjuran program ini dapat menjadi platform yang berkesan untuk mahasiswa mengasah bakat keusahawanan, di samping memberi pendedahan awal kepada pelbagai peluang dalam dunia perniagaan.

9. Sementara itu, Program Gema Syawal merupakan sebuah inisiatif bermakna untuk menyambut bulan kemenangan, disamping memperkukuh keimanan dan meningkatkan ketakwaan dalam kalangan mahasiswa.

10. Justeru, sambutan hari ini bukan sekadar acara perayaan, malah menjadi simbol kesatuan dan keharmonian dalam komuniti kita.

11. Pada kesempatan ini, saya menyeru kepada semua yang hadir agar kita terus memberi sokongan kepada inisiatif-inisiatif seperti ini.

12. Ini kerana UiTM bukan sekadar medan menimba ilmu, tetapi juga berperanan membuka minda pelajar untuk terus berinovasi dan berdaya saing dalam pelbagai bidang, termasuk bidang keusahawanan.

Kitab lama diulit mesra,
Seni halus terpatris di hati,
Syawal dirai penuh makna,
BEAM menyemai cahaya insani.

13. Dengan lafaz suci **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan program **B.E.A.M: Books, Entrepreneurship, Art & Mindset 2025** dan Gema Syawal Bersama Jasmine.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh